

Masyarakat Islam mahu Duta Besar diusir

PULAU PINANG, Ahad — Masyarakat Islam di negeri ini mensifatkan tindakan Duta Russia enggan menerima bantahan dari Ketua Pergerakan Pemuda Umno Malaysia, Encik Anwar Ibrahim, berhubung dengan ancamannya terhadap negara Asean sebagai terlalu biadap dan tidak boleh dimaafkan.

Mereka juga menggesa kerajaan bertindak balas mengusir duta itu segera.

"Kami memandangkan tindakan Duta Russia itu sebagai berat dan tidak boleh dibiarkan begitu sahaja," kata seorang ahli jawatankuasa Umno cawangan Kampung Rawana, Encik Zain Mohamad, hari ini.

Belliau berkata, Russia telah bersikap angkuh. Oleh kerana itu Pemuda Umno dan rakyat sepatutnya memberi tentangan keras agar perbuatan yang biadap itu tidak berulang lagi.

Encik Zain berkata, Russia kini telah bertindak di luar garis peri kemanusiaan dan mencaibul hak asasi manusia yang termaktub dalam Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu.

Belliau mengucapkan tahniah kepada Pemuda Barisan Nasional kerana berani membuat bantahan keras itu.

Angkuh

Turut mengecam keras perbuatan Duta Russia itu ialah Pesuruhjaya Pas Pulau Pinang, Haji Zabidi Haji Ali.

Katanva: "Memandangkan keangkunan mereka, tindakan keras oleh kerajaan terhadap Russia perlu diambil."

Katanya, Russia secara terus-terang telah menjalankan kegiatan yang bertujuan mengancam keamanan dan perdamaian negara-negara Asean dan negara Islam.

Kejadian kekejaman di Afghanistan adalah satu contoh betapa Russia berniat buruk mengancam keselamatan dunia. Russia berpura-pura buat baik dengan negara Islam tetapi selepas itu cuba menawannya.

Katanya: "Kerajaan perlu mengambil apa juga langkah untuk membuktikan sikap negara ini menentang keras tindakan mereka menyokong Vietnam mencerooboh wilayah Asean."